



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: HARIAN METRO		
TARIKH	: 21/10/2019	MUKA SURAT	: 9
JABATAN	: PERHILITAN		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Oleh Mohd Rafi Mamat  
am@hmetro.com.my

**Pekan**

**P**ekebun nangka di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Kota Perdana, dekat sini, menggunakan meriam karбайд dan memasang lampu kelip biru untuk menghalang gajah memasuki dan menusnahkan tanaman mereka.

Mereka juga mengeluarkan belanja antara RM500 dan RM1,000 untuk membeli peralatan itu bagi memastikan gajah tidak menceroboh kebun mereka.

Pekebun Mohd Derrus Abdul Latif, 58, berkata, setiap tahun dia dan pekebun lain membeli lampu kelip buatan China untuk diletakkan dalam kawasan kebun bagi menakutkan gajah.

"Saya menyediakan lebih 30 lampu kelip termasuk 15 lampu bulat menggunakan kuasa elektrik dalam kawasan kebun seluas lapan hektar.

"Cahaya lampu menghalang kumpulan gajah menceroboh kebun dan memusnahkan pokok nangka yang mengeluarkan hasil.

"Rakan saya mengguna-



BUNYI kuat meriam karбайд membuatkan gajah lari.



MOHD DERRUS menunjukkan lampu kelip bagi menghalau gajah.

# Lampu China halau gajah

**Petani guna lampu kelip biru, meriam karбайд cegah kebun diceroboh**

Meriam karбайд yang menghasilkan bunyi letupan kuat, dua unit alat berkenaan digunakan sejak dua minggu lalu," katanya, di sini, semalam.

Mohd Derrus berkata, an-

caman gajah semakin ketara tahun ini memaksa dia menyediakan lebih banyak lampu berkenaan.

Katanya, Simpan Iham, Rompin menjadi habitat semula jadi haiwan berkenaan

dan keluar mencari makan pada waktu malam.

Menurutnya, kedudukan TKPM Kota Perdana yang bersebelahan Hutan Simpan Iham memudahkan kumpulan mamalia itu masuk ke

kawasan kebun dan memusnahkan tanaman nangka.

"Selepas menceroboh 15 kebun peserta TKPM Muadzam Shah minggu lalu sehingga kerugian RM3.5 juta, kumpulan gajah terbabit



LAPORAN Harian Metro, 18 Oktober lalu.

mula menyerang TKPM Kota Perdana yang bersebelahan.

"Cubaan haiwan berkenaan untuk menyerang TKPM Kota Perdana berlaku hampir setiap malam namun tindakan pantas pekerja dapat menghalangnya," katanya.

Katanya, usaha lain digunakan untuk menakutkan gajah ialah membuat bising dengan mesin memotong kayu dan mengetuk tin kosong.

"Saya merayu Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Pahang menangkap dan memindahkan 10 hingga 12 gajah itu.

"Kalan tidak dapat pindah semua, dua hingga tiga gajah pun memadai bagi mengganggu ancaman yang berlaku sejak lebih 10 tahun lalu," katanya yang memiliki lebih 800 pokok nangka jenis [33].